

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Jual susu kumpul RM154,760
30 Sep 2011
Harian Metro
Setempat
N/A
Daily
324,097 / 1,981,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
44
179 cm²
Black/white
2,644
7,931



SERAH...Bas (dua dari kanan) menyerahkan replika cek kepada Shahrizat, semalam.

Jual susu kumpul RM154,760

KUALA LUMPUR: Bersatu kita teguh. Begitu perumpamaan buat dua syarikat korporat terkenal, Duchth Lady Milk Industries Berhad (Duchth Lady) dan Tesco Stores Malaysia Sdn Bhd (Tesco) apabila mengumpul dana RM154,760 untuk tujuan perlindungan dan keperluan pembangunan kanak-kanak di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK).

Pengarah Urusan Duchth Lady, Bas Van Den Berg,

berkata dana itu dikumpulkan menerusi penjualan susu Duchth Lady di Tesco sempena kempen Beli dan Menang selama tiga minggu bermula 18 Ogos lalu. Setiap penjualan satu kilogram pek Susu Membesar Duchth Lady 123, Duchth Lady 456 dan Duchth Lady 6+, RM1 daripadanya akan dimasukkan ke dana khas untuk didermakan kepada PAKK.

"Semua wang yang dikumpulkan akan diserahkan ke-

pada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk diagihkan kepada pusat jagaan di bawah seliaan mereka, sekaligus memberikan kehidupan lebih bermakna kepada penghuni khususnya kanak-kanak," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan cek derma kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Sharizat Abdul Jalil, di sini, semalam.